



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

***KARNIVAL KENALI NEGARA KITANI KINI KEMBALI***

---

- 1. Bandar Seri Begawan, 28 Julai 2023** – Karnival Kenali Negara Kitani telahpun bermula pada hari ini sehingga Hari Ahad, 30 Julai 2023 bertempat di The Mall, Gadong.
- 2.** Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini mempromosikan lebih 80 pakej pelancongan tempatan dan *staycation* daripada 21 agensi terdiri daripada hotel-hotel, ejen-ejen pelancongan dan para penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan. Karnival ini dianjurkan adalah sebagai persediaan untuk membantu orang ramai untuk merancang percutian bersama keluarga dan rakan sempena musim cuti penggal persekolahan bulan Ogos yang akan datang.
- 3.** Rata-rata pengunjung yang datang ke karnival ini teruja dengan pengisian karnival yang bukan sahaja mempromosikan pakej-pakej *staycation* tetapi juga memberikan pengetahuan kepada pengunjung mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan yang ada di negara ini melalui kuiz dan permainan-permainan informatif yang diadakan sepanjang karnival berlangsung.
- 4.** Karnival ini juga disertai oleh Darussalam Enterprise (DARe) yang mempromosikan produk-produk tempatan di bawah inisiatif *Bruneian Made* dan syarikat Imagine Sdn Bhd.
- 5.** Bagi mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai pakej-pakej yang ditawarkan, bolehlah melayari laman sesawang [www.bruneitourism.com/knk](http://www.bruneitourism.com/knk) atau kunjungi instagram [@kenalinegarikitani](https://www.instagram.com/kenalinegarakitani)

-tamat-

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**  
**Bahagian Promosi dan Pemasaran**  
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**